

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30/05/2012

# PRU-13: Bagi teruskan usaha BN laksanakan program transformasi negara

## Mandat rakyat penting - PM

UM - 30/5/2012

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 29 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, mandat rakyat kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) amat penting terutama bagi meneruskan usaha melaksanakan setiap program transformasi yang dirancang.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedar tanpa mandat yang kuat daripada rakyat ia hanya akan melambatkan pelaksanaan agenda tersebut sekali gus membantutkan hasrat melihat Malaysia muncul sebagai negara berpendapatan tinggi serta maju pada 2020.

Selain itu, Najib turut mengingatkan rakyat supaya bijak menilai khususnya membabitkan janji serta cadangan pembangkang dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang kerana jelas rancangan-rancangan diumumkan lebih bersifat populis, tidak realistik serta diragui.

"Saya amat meragui setiap janji, rancangan serta cadangan mereka. Sebagai contoh, mereka mahu menurunkan harga petrol dalam tempoh satu malam sahaja yang mana langkah ini tidak pernah dilakukan mana-mana kerajaan di dunia.

"Untuk makluman, kerajaan memperuntukkan lebih RM2 bilion sebulan untuk subsidi petrol. Jika harga bahan api ini diturun-



NAJIB Tun Razak memberi ucpatama pada Persidangan Invest Malaysia 2012 di Hotel Shangri La, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN

kan lagi, kerajaan perlu menambatkan peruntukan subsidi antara RM3 bilion hingga RM4 bilion sebulan. Apa akan jadi dengan kewangan negara?," katanya.

Najib berkata demikian ketika menjawab soalan moderator, Datuk Seri Johan Raslan yang juga Pengerusi Eksekutif PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia dalam sesi dialog selepas menyam-

paikan ucpatama pada program Invest Malaysia 2012, di sini hari ini.

Najib berkata, rancangan pembangkang untuk menghapuskan hutang pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berjumlah RM45 bilion dan bayaran tol serta menetapkan gaji minimum sebanyak RM4,000 sebulan juga jelas bersifat populis.

Katanya, semua janji itu tidak

boleh dilaksanakan oleh sebuah kerajaan yang bertanggungjawab.

Sebaliknya, beliau menegaskan, kerajaan BN akan terus menawarkan program-program lebih realistik serta mempunyai wawasan jelas seperti program-program transformasi yang sedang giat dilaksanakan.

"Saya berjanji hasil mandat yang diberikan rakyat, saya serta

rakan-rakan dalam kerajaan akan bekerja lebih keras dalam meningkatkan hidup rakyat dan demi mencapai matlamat negara maju menjelang 2020," katanya.

Sementara itu, menjawab satu soalan lain beliau berkata, Malaysia merupakan sebuah negara yang begitu sesuai untuk didiami selain destinasi pelaburan terbaik di rantau ini.